

11 JUN 2001

Mahathir-Kumpulan

TERLALU BANYAK KUMPULAN BAGI NEGARA MEMBANGUN

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kini terdapat terlalu banyak kumpulan yang mewakili negara-negara membangun.

Katanya disebabkan ini ketua-ketua negara dan kerajaan banyak menghabiskan masa menghadiri mesyuarat dan adalah mustahil untuk mengumpulkan semua pemimpin pada satu-satu masa dan tempat.

"Perkara utama yang boleh kita buat ialah mempunyai sebuah kumpulan yang lebih kecil tetapi diberikan sedikit fleksibiliti oleh yang lain supaya kita boleh bertindak ke atas pelbagai ancaman terhadap kita dan dengan itu pastinya kita akan lebih efektif." katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis dialog pada seminar antarabangsa mengenai "Kesan Globalisasi Terhadap Dunia Islam: Isu dan Cabaran dalam Kurun ke-21," di sini.

Beliau menjawab soalan daripada hadirin mengenai keberkesanan Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8).

Kira-kira 140 peserta daripada Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) menghadiri seminar tiga hari itu anjuran Kementerian Luar dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR).

Perdana Menteri berkata apa yang diperlukan negara-negara membangun ialah "sebuah pertubuhan yang tunggal, kecil dan berkesan" untuk bertindak balas secara efektif dan menetapkan pendirian terhadap negara-negara maju.

Sebagai contoh, katanya, sehingga ini terdapat kumpulan 54 negara Islam, 130 negara berkecuali dan Kumpulan 77 (G77) yang terdiri daripada kira-kira 130 negara, dan adalah mustahil untuk mengumpulkan semua ketua negara dan kerajaan untuk duduk bersama dan berbincang.

"Berdepan dengan kumpulan kerajaan yang besar ini, kita mempunyai Kumpulan Tujuh Negara (G7), negara-negara yang amat berkuasa. Mereka hanya perlu menelefon satu sama lain untuk membuat keputusan dan apabila mereka membuat satu keputusan, ia boleh memudaratkan negara membangun," katanya.

Mengenai D8, Dr Mahathir berkata ia sebuah kumpulan istimewa negara membangun yang memberi lebih tumpuan terhadap membantu satu sama lain dan melaksanakan kerja yang baik.

D8 terdiri daripada Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan, Turki dan Bangladesh, yang semuanya merupakan negara anggota OIC, sebuah pertubuhan yang lebih besar.

-- BERNAMA

HS ZS JK RON